


Bahagian A
[30 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2021. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

- 1 (a) Nyatakan aras tertinggi dalam segi empat grid berikut.




..... [1 markah]

- (b) Berapakah bearing Bkt. Nanas (RG 976065) dari Kg. Kelor (RG 912094)?

..... [2 markah]

- (c) (i) Nyatakan **dua** pandang darat fizikal yang terdapat dalam segi empat grid berikut.



(i)

(ii)

[2 markah]

- (ii) Apakah **dua** kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan dalam kawasan segi empat grid tersebut. Beri alasan anda.


.....

.....

.....

[4 markah]

(d) (i) Jelaskan kepentingan kawasan segi empat grid berikut kepada alam sekitar.



.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(ii) Pada pendapat anda, wajarkah kawasan dalam segi empat grid di atas diteroka untuk pelbagai kegiatan ekonomi?

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1.

Jumlah Pengeluaran Hasil Pertanian di Negara Z antara Tahun 2005 hingga Tahun 2008.

Jenis hasil pertanian (Tan Metrik)	Tahun			
	2005	2006	2007	2008
Tanaman Makanan	8 400	7 200	9 400	10 200
Tanaman Jualan	10 000	11 000	12 400	12 800

Jadual 1

- 2 (a) Berdasarkan jadual 1, lukis sebuah graf garisan berganda yang menunjukkan jumlah pengeluaran hasil pertanian di negara Z antara tahun 2005 hingga tahun 2008. Gunakan skala 1 cm mewakili 1000 tan metrik untuk graf tersebut. [8 markah]
- (b) Berdasarkan graf yang anda lukis, jelaskan pola perubahan pengeluaran hasil pertanian di negara Z antara tahun 2005 hingga tahun 2008.
-
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian di negara Z?
-
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Bahagian B
[30 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 3 berdasarkan Foto 1




Foto 1

- 3 (a) Namakan bentuk muka bumi yang bertanda :

X :

Y :

Z :

[3 markah]

- (b) Apakah proses luluhan kimia yang mempengaruhi pembentukan landskap di kawasan tersebut ?

.....

[1 markah]

- (c) Terangkan kepentingan kawasan karst di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Nyatakan langkah bagi mengekalkan ekosistem di kawasan dalam Foto 1.

.....

.....

[2 markah]

Soalan 4 berdasarkan Jadual 2.

Jadual 2 menunjukkan min suhu bulanan di Kuala Lumpur bagi tahun 2022.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu (°C)	27	27	29	29	28	28	27	27	27	28	27	27

Jadual 2

- 4 (a) (i) Berapakah julat suhu tahunan di Kuala Lumpur ?

.....

[1 markah]

- (ii) Berapakah min suhu tahunan bagi Kuala Lumpur ?

.....

[1 markah]

- (b) Nyatakan faktor yang mempengaruhi suhu tinggi di Kuala Lumpur.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Jelaskan kesan peningkatan suhu di kawasan bandar terhadap penduduk sekitar.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (d) Kemukakan langkah-langkah yang sesuai bagi menyederhanakan suhu di Kuala Lumpur.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Soalan 5 berdasarkan Foto 2.



Foto 2

- 5 (a) Nyatakan jenis tumbuhan semulajadi yang menjadi habitat hidupan liar dalam Foto 2.

.....
.....

[1 markah]

- (b) Mengapa hidupan liar dalam Foto 2 semakin diancam kepupusan?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Apakah kepentingan hidupan liar terhadap keseimbangan ekosistem.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (d) Cadangkan usaha-usaha untuk memelihara dan memulihara hidupan liar pada masa akan datang.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Bahagian C
[40 markah]
Jawab **dua soalan sahaja**

Soalan 6 berdasarkan Foto 3.



Foto 3

- 6 (a) Terangkan fungsi petempatan dalam Foto 3 di atas. [6 markah]
- (b) Pada pendapat anda, bagaimanakah kawasan bandar memainkan peranan penting terhadap pembangunan sosial dan ekonomi penduduk luar bandar? [8 markah]
- (c) Cadangkan usaha yang boleh diambil untuk mewujudkan sebuah bandar yang lestari pada masa hadapan. [6 markah]
- 7 (a) Di atas peta 1 pada halaman 10 namakan :
 (i) Tanah tinggi P
 (ii) Taman negara Q
 (iii) Gua batu kapur R
 (iv) Taman negara S [4 markah]
- (b) Huraikan faktor yang mempengaruhi perkembangan kegiatan ekonomi pembalakan di Malaysia. [8 markah]
- (c) Bincangkan kepentingan sektor pembalakan kepada pembangunan negara. [8 markah]

Soalan 8 berdasarkan portal berita berikut.

Tenaga solar perlu diperluas segera, berpotensi jadi sumber penting elektrik negara - Pakar

KUALA LUMPUR: Penggunaan tenaga solar di negara ini perlu diperluas segera memandangkan ia berpotensi menjadi antara sumber terpenting untuk tenaga elektrik, menurut seorang pakar.


Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Dr Shahino Mah Abdullah berkata pada masa ini, jumlah peratusan tenaga yang dijana dengan solar masih rendah walaupun Malaysia mempunyai kelebihan dalam menerima jumlah cahaya matahari yang tinggi sepanjang tahun.

"Terdapat banyak lagi ruang untuk Malaysia memperluas loji tenaga suria bagi memastikan ia menjadi sumber tenaga utama negara. Sumber tenaga solar bukan sahaja bersih, ia adalah sumber tenaga boleh diperbaharui yang boleh diterima secara percuma terus daripada matahari.

Sumber : Astro Awani, 25 Disember 2023

- 8 (a) Berdasarkan portal berita tersebut, mengapakah penggunaan sumber tenaga solar perlu diperluas?
[6 markah]
- (b) Terangkan kesan penerokaan sumber petroleum terhadap alam sekitar.
[6 markah]
- (c) Usaha pengurusan sumber tenaga amat penting untuk menjamin kelestarian alam sekitar.
Bincangkan.
[8 markah]
- 9 (a) Mengapakah taburan penduduk padat di bandar-bandar utama dunia?
[6 markah]
- (b) Bagaimanakah pertambahan penduduk bandar memberi kesan terhadap alam sekitar?
[6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, wajarkah penduduk yang tinggal di kawasan padat berhijrah ke kawasan kurang padat? Berikan hujah anda.
[8 markah]

GEOGRAFI KERTAS 2
Peta 1 untuk soalan No. 7 (a)



Peta 1: Malaysia

P	
Q	

R	
S	

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT